

TARIAN TRADISIONAL INDIA – “TALA NATYAM THE DANCE JOURNEY”

KUALA LUMPUR, 25 Mei 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), terus komited dalam menyemarak dan memartabatkan seni budaya negara dengan pelaksanaan Panggung Seni Tradisional 2023 (PST2023). Program ini merupakan usaha bagi memastikan kelestarian seni persembahan tradisional dapat diteruskan. Ia juga sebagai langkah pemeliharaan dan pengekalan seni warisan negara yang berupaya menjadi serampang dua mata dengan menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab persembahan tradisional dan salah satu produk pelancongan negara.

JKKN sentiasa memperlihatkan keindahan kebudayaan dan kesenian tradisional masyarakat majmuk di Malaysia dalam setiap siri persembahan dalam Panggung Seni Tradisional (PST). Program ini bukan sekadar persembahan ‘sehalal’ tetapi merupakan serampang dua mata kepada kumpulan atau persatuan seni budaya untuk mempelajari pelaksanaan sesebuah produksi bagi sesuatu persembahan.

Memasuki siri ke-2 persembahan, PST 2023 akan diteruskan dengan persembahan tarian tradisional india iaitu **“Tala Natyam-The Dance Journey”** daripada Angika Fine Arts. Persembahan tarian tradisional India ini akan menemui penonton selama dua (2) hari pada 26 dan 27 Mei 2023 (Jumaat dan Sabtu) bertempat di Dewan Tunku Abdul Rahman (MaTIC) Kuala Lumpur.

MALAYSIA MADANI

**Panggung 2023
Seni Tradisional**
2023 Traditional Arts Showcase

ANGIKA FINE ARTS
TARIAN TRADISIONAL INDIA -
'TALA NATYAM - THE DANCE JOURNEY'
INDIAN TRADITIONAL DANCE - 'TALA NATYAM - THE DANCE JOURNEY'

26 | 27 | **8.30**
MEI/MAY 2023 | MALAM/PM

DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PUSAT PELANCONGAN MALAYSIA (MaTIC)
TUNKU ABDUL RAHMAN HALL, MALAYSIA TOURISM CENTRE (MaTIC)

+60 16-406 7374 | Ms. Tamil
+60 14-363 1336 | Mr. Lawrence

BAYARAN MASUK | ENTRANCE FEE
RM50 **RM20** **8.30**
PREMIER | PREMIER | BIASA | REGULAR | MALAM | PM

+603 2014 8200
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
+603 9235 4800/4900
Pusat Pelancongan Malaysia (MaTIC)
109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

www.jkkn.gov.my
#KAWAKIPS
#KAWAKIPS

SUBAHAGIAN HASIL JUALAN TIKET AKAN DISUMBANGKAN KEPADA KAWAKIPS
PART OF THE TICKET SALES PROCEEDS WILL BE DONATED TO THE KAWAKIPS

Para penonton akan dapat menyaksikan persembahan gabungan tarian tradisional India yang memukau, dilengkapi dengan pelbagai segmen bentuk tarian tradisional. Persembahan merangkumi beberapa genre yang begitu terkenal di Malaysia seperti *Odissi* oleh Angika Fine Arts, *Bharatanatyam* dan *Mohiniattam* oleh Vehaara Arts, *Kuchipudi* oleh Telugu Association of Malaysia (TAM).

Dalam segmen pertama, Tala Natyam akan mempersembahkan dua jenis tarian yang bertajuk **“NAMAMI MANGALACHARAN”** dan **“ARABHI PALLAVI”**. Kemudian bagi segmen kedua pula dengan tajuk **“MOHINIYATTAM JATISHWARAM”**. Persembahan diteruskan dengan tarian berjudul **“JATISHWARAM”** dalam segmen ketiga. Untuk segmen keempat, Tala Natyam – The Dance Journey membawakan kepada penonton dengan tiga (3) jenis tarian iaitu **“PUSHPANJALI”**, **“GANESHA GAUTAVAM”** dan **“KALYANI JATHISHWARAM”**.

Persembahan selama 2 hari ini akan menampilkan gabungan tiga (3) orang pengarah persembahan daripada tiga (3) buah sekolah kesenian India ini iaitu **Nrityatara Shri Kunaratnam Velautham (Vehaara Arts)**, **Nrutyacharya Lawrence Sackris (Angika Fine Arts)** dan **Natya Visharadha Thachayani Ramanaidu (Telugu Association of Malaysia (TAM))**. Persembahan selama 90 minit ini akan dipersembahkan oleh 64 orang penari yang berusia daripada lima (5) hingga 45 tahun.

Untuk menyaksikan persembahan memukau ini, orang ramai boleh mendapatkan tiket menonton dengan menghubungi urus setia atau hadir di Dewan Tunku Abdul Rahman, (MaTIC). Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN melalui pautan

<https://www.facebook.com/PanggungSeniTradisionalTraditionalArtsShowcase?mibextid=ZbWKwL> atau www.facebook.com/mysenibudaya dan www.facebook.com/PanggungSeniTradisionalTraditionalArtsShowcase

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya